



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA:

ENCIK HAJI ABDUL LATIF BIN MOHD NOH DAN PUAN HAJAH ROHANI BINTI
HAJI TAMRIN MENGENAI SEJARAH KEUNIKAN DESA TEMU JODOH, CHAAH
JOHOR, MASJID DESA TEMU JODOH SERTA DAPUR SIHAT DESA TEMU JODOH

DISEDIAKAN OLEH:

NUR ATIQA BINTI AHMAD
NUR FARHANA BINTI AHMAD ZAMZURY
NUR HAYYU HANIS BINTI HASHIM
NUR SHAWANI BINTI TAJUDDIN

PROJEK DIMAJUKAN OLEH:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
JOHOR KAMPUS SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – ORAL DOCUMENTATION
SEMESTER 5 (MAC – JUN 2014)



Isi Kandungan

Penghargaan

Abstrak.....	i
Pengenalan.....	1-8
Transkrip.....	9-63
Biodata Pengkisah.....	64-66
Biodata Penemubual	67-70
Senarai Soalan.....	71-77
Ralat.....	78
Senarai Rujukan	79
Lampiran	80-86
Indeks.....	87-89



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu kami ingin memanjatkan rasa kesyukuran yang tidak berbelah bahagi kehadiran Ilahi dengan izin limpah kurnia serta rahmatNya kami dapat menyelesaikan tugas wawancara yang diamanahkan di mana kami telah terpanggil untuk menemubual individu-individu yang telah banyak memainkan peranan beliau di dalam pembangunan Desa Temu Jodoh, Chaah Johor iaitu Encik Haji Abdul Latif Bin Mohd Noh dan Puan Hajah Rohani Binti Haji Tamrin di kediaman mereka pada 23 Jun 2014 jam 4.00 petang.

Pelbagai pihak telah turut serta menghulurkan tangan serta memainkan peranan mereka di dalam membantu kami bagi melancarkan tugas yang telah diamanahkan ini. Pertama sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami, Encik Mohd Zul-Azmi Bin Ishak di atas kehadiran diri beliau yang banyak meluangkan masa memberi pertolongan dan tunjuk ajar serta panduan yang bermanfaat telah di curahkan kepada kami bagi memastikan tugas kami memenuhi kehendak projek kursus. Beliau adalah tenaga pengajar iaitu pensyarah bagi kod kursus IMR 603 – Dokumentasi Sejarah Lisan yang memainkan peranan membantu kami. Tanpa pengawasan dan bimbingan dari pihak beliau, kami pasti berhadapan dengan pelbagai masalah dan tentu begitu sukar bagi kami menyiapkan tugas ini dengan sempurna.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih di ucapkan kepada pihak yang telah ditemu ramah, Encik Haji Abdul Latif Bin Mohd Noh dan juga Puan Hajah Rohani Binti Haji Tamrin. Mereka merupakan suami isteri yang banyak menyumbangkan jasa untuk pembangunan Desa Temu Jodoh. Terima Kasih diucapkan diatas kesudian mereka meluangkan masa dan memberi kerjasama kepada pihak kami. Kerjasama dan komitmen yang begitu jitu yang telah dihulurkan oleh mereka ini telah memberi impak yang positif dimana memudahkan pihak kami mendapatkan maklumat yang diperlukan.



Temubual bersama Encik Haji Abdul Latif Bin Mohd Noh mengenai sejarah keunikan Desa Temu Jodoh, Chaah Johor dan juga mengenai Masjid Desa Temu Jodoh . Selain itu, temubual kedua bersama Puan Hajah Rohani Bin Haji Tamrin mengenai Dapur Sihat, Desa Temu Jodoh, Chaah Johor

Abstrak :

Sejarah keunikan Desa Temu Jodoh ialah dari peristiwa perkahwinan beramai- ramai yang melibatkan 24 pasangan peserta Rancangan Tanah Pemuda Sungai Lenek, Chaah, Johor pada tahun 1977 lantas dinamakan ‘Desa Temu Jodoh’ oleh YAB Tan Sri Haji Othman Bin Haji Saat, Menteri Besar Johor ketika itu. Seterusnya mengenai Masjid Desa Temu Jodoh yang baru dibina pada tahun 2013 yang didermakan oleh pihak Jakel untuk pembinaan masjid tersebut serta dirasmikan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim dan menjadi kebanggaan penduduk Desa Temu Johor. Disamping itu, di Desa Temu Jodoh juga terdapat Dapur Sihat yang aktif bertujuan untuk memberi maklumat tentang pemakanan yang sihat serta maklumat kesihatan untuk penduduk Desa Temu Jodoh.

Kata Kunci

Desa Temu Jodoh, Rancangan Tanah Pemuda Sungai Lenek, Masjid Desa Temu Jodoh, Dapur Sihat, Majlis Perkahwinan Beramai-Ramai



PENGENALAN DESA TEMU JODOH, MASJID DESA TEMU JODOH DAN
DAPUR SIHAT

DESA TEMU JODOH



Desa Temu Jodoh merupakan salah satu desa yang terkenal dek keunikan namanya yang sinonim dengan tempat pertemuan jodoh. Ia adalah sebuah perkampungan kecil yang berada di daerah Segamat dan terletak di atas sebuah bukit berhampiran jalan raya Johor Bahru – Segamat di KM 32. Pada tanggal 27 Februari 1977, desa yang berkeluasan 67 ekar ini telah mencatat sejarah yang menjadi peristiwa simbolik kepada desa tersebut. Peristiwa tersebut dikenali sebagai “Peristiwa Perkahwinan Beramai-ramai” yang melibatkan 24 pasangan peserta Rancangan Tanah Pemuda Sungai Lenek, Chaah, Johor.

Sempena majlis perkahwinan beramai-ramai itu, lantas nama Desa Temu Jodoh diberikan kepada kampung tersebut oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Haji Othman bin Haji Saat yang merupakan Menteri Besar Johor pada ketika itu. Untuk memeriahkan lagi suasana pada waktu itu, Yang Amat Berhormat Tan Sri Haji Othman bin Haji Saat telah mengumumkan bahawa pasangan pengantin yang pertama mendapat cahaya mata akan dianugerahkan dengan hadiah yang paling istimewa. Menurut Tuan Haji Abdul Latif (responden yang ditemuramah) selain